



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“PILIHAN RAYA: PEMILIHAN ULIL AMRI”

18 November 2022 / 23 Rabiul Akhir 1444

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ¹:

﴿سَمِعُونَ لِلْكَذِبِ أَكَلُونَ لِلسُّحْتِ فَإِنْ جَاءُوكَ فَاحْكُم بَيْنَهُمْ أَوْ أَعْرِضْ عَنْهُمْ وَإِنْ تُعْرِضْ

عَنْهُمْ فَلَنْ يَضُرُّوكَ شَيْئًا وَإِنْ حَكَمْتَ فَاحْكُم بَيْنَهُمْ بِالْقِسْطِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴿٤٢﴾﴾

Bermaksud: Mereka sangat suka mendengar berita-berita dusta, sangat suka memakan segala yang haram (rasuah dan sebagainya). Oleh itu kalau mereka datang kepada mu, maka hukumlah di antara mereka (dengan apa yang telah diterangkan oleh Allah), atau berpalinglah dari mereka; dan kalau engkau berpaling dari mereka maka mereka tidak akan dapat membahayakan mu sedikit pun; dan jika engkau menghukum maka hukumlah di antara mereka dengan adil; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.
(Surah al-Maidah ayat 42)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْ صِيكُمْ وَإِيَّايَ بَتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dimuliakan

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan semua larangan Nya; membersihkan jiwa dari segala dosa dan noda, serta sifat-sifat mazmumah yang menghitamkan hati dan merosakkan amal. Mudah-mudahan kita dihimpunkan di hadapan Allah SWT dengan membawa qalibun salim (hati yang sejahtera) dan bekalan amal yang diterima. Menjelang hari mengundi Pilihan Raya Umum ke-15, mimbar akan memperdengarkan khutbah bertajuk;

“Pilihan Raya: Pemilihan Ulil Amri”

¹ Pujian kepada Allah SWT

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Seawal jam lapan pagi Sabtu 19 November 2022, bermulalah urusan mengundi untuk memilih wakil kepada rakyat dalam Pilihan Raya Umum kali ke-15. Rakyat diberikan hak membuat pilihan dalam kalangan calon yang menawarkan diri untuk menjadi wakil rakyat di kawasan Parlimen dan Dewan Negeri; selanjutnya ada dalam kalangan yang dipilih, akan diamanahkan dengan tanggungjawab menjadi Ulil Amri atau pemimpin. Pilihan raya memberikan hak kepada rakyat menentukan sama ada mahu terus mengekalkan corak dan haluan politik negara serta pemimpin yang sedia ada, atau memilih untuk menukarnya. Penentuan diserahkan kepada kebijaksanaan rakyat membuat pilihan.

Hadirin yang dimuliakan,

Pilihan Raya ke-15, memberikan hak kepada 21.1 juta orang pengundi untuk memilih pemimpin bagi mentadbir urus negara dan menentukan nasib 32.7 juta orang rakyat Malaysia. Rakyat mengharapkan, pasca pilihan raya, akan terbentuk sebuah kerajaan yang dapat memenuhi harapan rakyat; merangkumi menyediakan peluang pekerjaan, peluang pendidikan, perkhidmatan kesihatan dan pengangkutan awam yang berkualiti, perumahan rakyat, jaminan bekalan barang makanan, kos sara hidup yang rendah, inflasi yang terkawal dan pelbagai lagi. Rakyat mahu melihat nilai ringgit kembali kukuh, beban hutang dan tanggungan negara berjumlah 1.4 trilion ringgit dapat dikurangkan, rasuah dihapuskan dan negara kembali dihormati di peringkat antara bangsa.

39 buah parti politik bertanding, membariskan 945 orang calon, di samping 108 orang calon bebas. Islam sangat memberi penekanan soal kepimpinan. Nasib buruk atau baik rakyat dan negara ditentukan oleh pemimpin. Kerana itu memilih pemimpin yang layak serta diyakini mampu memimpin dengan baik adalah suatu kewajipan. Ayat 42 surah al-Maidah yang khatib bacakan pada awal khutbah, menjelaskan mengenai orang-orang yang wajib dijauhi dan tidak dipilih untuk menjadi pemimpin ;

Pertama: Orang-orang yang gemar mendengar atau mereka cipta berita palsu.

Kedua: Orang-orang yang suka memakan sumber yang haram seperti melakukan rasuah dan pecah amanah.

Allah SWT memerintahkan agar kita menghukum mereka yang berperangai dan bersifat demikian dengan seadilnya, dengan berpaling daripada mereka, iaitu tidak sama sekali berurusan dengan orang sebegini, jauh sekali daripada mengangkat mereka menjadi pemimpin. Dalam suasana pilihan raya, menghukum dengan adil



boleh dilakukan dengan tidak lagi memilih orang-orang yang terlibat dan terpalit dengan rasuah dan perbuatan pecah amanah.

Jemaah yang dilimpahi petunjuk Ilahi

Sudah tiba masanya untuk mengubah yang buruk kepada yang baik, dan langkah untuk menjernihkan air yang keruh. Betulkan yang biasa, dan biasakan diri dengan yang betul. Pilihan yang dilakukan akan menentukan kehidupan rakyat untuk tempoh lima tahun akan datang. Mimbar dengan ini memperingatkan perkara-perkara berikut:

Pertama: Mengundi ialah tanggungjawab rakyat pada negara. Suruhanjaya Pilihan Raya menyediakan kertas undi kepada setiap pengundi. Kertas undi yang dicetak melibatkan kos yang dibayar daripada duit pembayar cukai. Jangan disia-siakan kertas undi yang telah disediakan untuk kita; apatah lagi kerajaan pula bermurah hati mengisytiharkan hari ini dan hari esok sebagai hari cuti untuk memudahkan rakyat mengundi. Sempurnakan rukun kenegaraan seorang rakyat; sempurnakan tanggungjawab fardu kifayah seorang Muslim; ikhlaskan niat menunaikan kewajipan fardu kifayah untuk pergi mengundi agar dinilai sebagai ibadah di sisi Allah SWT.

Kedua: Sedarkan pengundi bahawa kita sebenarnya dalam proses mahu melantik seorang pemimpin untuk mengurus negara. Lazimnya, ketika mahu melantik seorang pengurus, kita wajib bersifat teliti, memastikan orang yang dilantik memiliki keupayaan untuk mengurus negara dengan baik dan berkesan serta dihormati. Siapakah antara calon yang berupaya mengangkat martabat dan memakmurkan negara? Siapakah antara calon yang memiliki imej bersih dan bebas daripada rasuah? Siapakah antara calon yang memiliki kekuatan dan bukan boneka atau patung yang begitu lemah dan tidak memiliki kekuatan jati diri lalu terlalu mudah tunduk kepada tekanan? Siapakah antara calon yang berupaya meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan makmur, yang dihormati di peringkat antarabangsa? Perkara-perkara tersebut hendaklah dijadikan panduan ketika membuat pilihan. Masyarakat Melayu secara bergurindam memperingatkan:

Kalau mencari tempat mandi,
Pertama teluk kedua pantai;
Kalau mencari pemimpin negeri,
Pertama elok, kedua pandai.



Lakukan pilihan dengan hati, akal dan fikiran yang waras dengan menilai sifat, watak, sikap dan pendirian calon. Pilihlah calon yang memiliki peribadi yang jujur dan ikhlas, memiliki akhlak dan budi pekerti mulia, berilmu dan berpengetahuan, mengamalkan gaya hidup sederhana serta tidak memperagakan kemewahan secara keterlaluan. Pilihlah pemimpin yang memiliki

Pertama: sifat al-qawi, bermaksud berkemampuan, berkebolehan, berkepakaran, dan mahir dalam melaksanakan tugas dan

Kedua: sifat al-amin, bermaksud amanah, bertanggungjawab dan berintegriti, tidak menyeleweng, tidak khianat, dan tidak mudah dibeli dengan wang ringgit, pangkat dan jawatan hingga bersedia menggadaikan maruah diri dan maruah bangsa.

Ketiga: Buktikan azam memerangi rasuah melalui kertas undi kita dengan menolak dan tidak memberikan undi kepada calon-calon yang memiliki imej rasuah atau terpalit dengan lumpur rasuah. Buktikan tekad kita menolak rasuah, dengan tidak membenarkan diri kita boleh dibeli dengan sogokkan wang hingga kita memilih calon kerana dipengaruhi dengan sampul surat yang mengandungi wang.

Keempat: Setelah berusaha, berdoa dan bertawakal kepada Allah SWT, walau apa jua keputusan Pilihan Raya ke-15, ummah wajib menerimanya dengan hati yang terbuka serta reda dengan ketentuan Ilahi.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا يُؤَافِي نِعْمَهُ وَيُكَافِي مَزِيدَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي
الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَالْفِ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ
وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ. اللَّهُمَّ لَا تُسَلِّطْ عَلَيْنَا بَدُوبَنَا مَنْ لَا
يَخَافُكَ فِينَا وَلَا يَرْحَمُنَا.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin Ya Allah, disebabkan dosa-dosa kami janganlah engkau jadikan pemimpin kami dalam kalangan orang yang tidak takut kepada Mu dan tidak mempunyai belas kasihan kepada kami.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Sami’! Ya Basir!, selamatkan perjalanan hamba Mu yang bermusafir pulang ke kawasan mengundi. Jadikan kemusafiran mereka sebagai takwa dan kebaikan. Mudahkan urusan pengundian esok hari, kurniakan cuaca yang baik, lindungi rakyat dan para petugas agar dapat menyempurnakan tanggungjawab masing-masing sesempurna yang mungkin.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يُعْظِمُ لَكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ
عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِمْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ﴾.